

08/01/2003

8,000 saksi Fiesta Kraf Bumi Mahsuri

LANGKAWI: Fiesta Kraf di Bumi Mahsuri di Kompleks Kraf, Teluk Yu, di sini yang berakhir, Ahad lalu mendapat sambutan menggalakkan apabila ia dihadiri ribuan pelancong tempatan dan asing, sejak dimulakan 1 Januari lalu.

Malah, dianggarkan 8,000 pengunjung menghadiri Malam Gemilang Mahsuri iaitu acara kemuncak fiesta, yang dilancarkan oleh Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Turut singgah ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berada di sini untuk lawatan peribadi dua hari bersama isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan dua cucunya.

Pengunjung ternyata terhibur dengan telatah lucu Kumpulan Senario yang mengisi slot hiburan pada malam berkenaan, selain persembahan dua artis tempatan iaitu Ramlah Ram dan Rem.

Acara menarik lain ialah persembahan Canggung oleh Kumpulan Kebudayaan Perlis, Taridra (Kumpulan Anggun) dan deklamasi sajak oleh Ku Nas Haziah Ku Halim.

Antara aktiviti fiesta anjuran Perbadanan Kraftangan Malaysia itu ialah jualan kraf, pameran produk baru, demonstrasi membuat kraf, interaktif permainan tradisional, persembahan muzikal dan mencari harta karun kraf.

Fiesta itu bertujuan memperkenalkan Kompleks Kraf Langkawi sebagai destinasi pelancongan dan membeli produk kraf di Langkawi.

Konsep Malam Gemilang Mahsuri bertemakan ala era Mahsuri dengan penyertaan terbuka kepada pengunjung.

Turut menjadi fokus utama pada malam berkenaan ialah pengiktirafan penggunaan kraf Malaysia kepada hotel dan resort di sini sebagai tanda penghargaan daripada Perbadanan Kraftangan Malaysia.

Pada pertandingan itu, Semarak Resort dan Kampung Tok Senik masing-masing memenangi anugerah kategori resort dan kategori hotel bertaraf empat bintang manakala The Andaman Resort pula memenangi anugerah kategori hotel lima bintang.

Pengunjung ke kompleks itu juga berpeluang menyaksikan demonstrasi 'Pak Dogol' dalam seni wayang kulit yang disampaikan oleh Abdul Majid Md Nor atau lebih dikenali sebagai Pak Majid.

Beliau yang sudah 22 tahun berkecimpung dalam bidang seni itu adalah seorang pembuat kraf wayang kulit dan Tok Dalang terkenal di negeri ini.